
APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA: PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Zubair bin Amir Nur Rashid
Kuliyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100, Kuala Lumpur, Malaysia
Email: abdullahzubair04@yahoo.com , Tel: 0134715217

Nur Mardia binti Mazri
Kuliyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: mardya94@gmail.com, Tel: 013-6694024

Dr Mohd Fuad bin Md Sawari
Kuliyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: sawari@iium.edu.my, Tel: 019-2251267

Dr Nan Noorhidayu binti Megat Laksamana
Kuliyah Islamic Revealed Knowledge and Human Science
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: nanhidayu@yahoo.com, Tel: 013-2391877

ABSTRAK

“Pendidikan Abad ke-21” (PAK21) telah mempengaruhi dan mengambil alih teknik pembelajaran dan pengajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pada masa yang sama, hubungkait antara Maqasid Syariah dengan pendidikan abad ke-21 kini dilihat perlu dalam mengharmonikan kemajuan dalam bidang pendidikan agar selari dengan prinsip Maqasid Syariah yang kini sering diperkenalkan kepada masyarakat. Sebenarnya telah wujud perkaitan yang rapat antara objektif sistem pendidikan di Malaysia dengan objektif syariah (*Maqasid* Syariah) itu sendiri. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibuat bertujuan untuk mengkaji aplikasi Maqasid Syariah dalam sistem yang baru diperkenalkan dalam pendidikan di Malaysia iaitu PAK-21. Pengkaji akan menggunakan kaedah penyelidikan secara induktif dengan menghimpunkan data-data (dari Kementerian Pendidikan Malaysia) mengenai PAK21 disamping menyetengahkan dalil-dalil dari Al-Quran dan As-Sunnah serta pandangan tokoh-tokoh tertentu (seperti Ibn Ashur, Al-Yubi dan tokoh agamawan yang lain) bagi membantu perbincangan aplikasi Maqasid Syariah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa PAK21 ini menerapkan elemen dan nilai-nilai murni serta aplikasi Maqasid Syariah yang baik khususnya dari aspek *Hifz Al-Aql* iaitu penjagaan akal. Standard Kemahiran, Kurikulum Kebangsaan, Pengurusan Bilik Darjah abad ke-21, serta Ciri-ciri Murid PAK21 yang diperkenalkan dilihat sangat bertepatan dengan konsep *Maqasid* Syariah. Justeru, penyerapan usaha untuk menyuburkan kefahaman Islam secara teori dan praktikal harus digandakan dan ini sekaligus dapat membantu para guru dan warga pendidik bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada murid dengan lebih baik dan berkesan.

Kata Kunci: Maqasid Syariah, Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21), Induktif, *Hifz Al-Aql*, Nilai-nilai murni.

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan teras dalam pembinaan sesebuah negara, sejajar dengan pembangunan negara dalam aspek teknologi dan infrastruktur, pembaharuan pendidikan juga turut menjadi agenda yang penting supaya Malaysia dapat bersaing di peringkat global. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menggariskan beberapa perubahan dan transformasi dalam bidang pendidikan ke arah membina pelajar yang setanding dengan negara-negara maju atau kini dipanggil sebagai murid abad ke-21.

“Kerajaan komited melaksanakan transformasi sistem pendidikan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang. Transformasi pendidikan ini bermatlamat melengkapkan setiap murid di negara kita dengan segala kemahiran baharu yang diperlukan oleh mereka untuk merebut peluang dan menangani cabaran abad 21. Dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara termaju didunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global” – YAB Tan Sri Dato Hj. Muhyiddin Hj. Yassin.

Sesuai dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan Islam sebagai agama persekutuan, penyerapan kefahaman Islam secara *syumul* kepada masyarakat adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menerusi pendidikan. Maka, transformasi pendidikan Malaysia ke arah melahirkan murid abad ke-21 menerusi Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) ini perlu diselarikan dengan prinsip Maqasid Syariah. Firman Allah s.w.t:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

“Maka apakah kamu menyangka bahawa kami menciptakan kamu main-main (tanpa ada maksud) dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?” (Q.S. Al-Mu'minun: 115)

Sebagai seorang yang beragama Islam, kita sedia maklum bahawa agama Islam meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Di samping itu, Islam membawa objektif syariah yang utama iaitu mendatangkan masalah dan menolak segala kemudaratan kepada manusia sejagat.

Oleh itu, bagi menjayakan proses pendidikan dan pembentukan pelajar berteraskan nilai-nilai Islam serta membentuk murid yang cemerlang di dunia dan di akhirat, kerangka Maqasid Syariah adalah sangat penting untuk difahami agar ianya dipraktikkan dalam kehidupan seharian generasi muda khususnya. Justeru, penulis berhasrat mengetengahkan aplikasi Maqasid Syariah dalam sistem pendidikan di Malaysia menerusi Pembelajaran Abad Ke-21 yang baru diperkenalkan oleh kerajaan.

Secara umumnya, kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama ialah pendefinisian konsep Maqasid Syariah dan Pembelajaran Abad Ke-21 secara epistemologi. Seterusnya ialah penerangan aplikasi kedua-dua konsep tersebut dalam sistem pembelajaran di Malaysia serta hubungan kait antara keduanya. Pada bahagian ini, beberapa sub-tajuk dibina bagi menghuraikan *Kulliyat Khams* secara jelas dan terperinci dengan memperlihatkan kesinambungan antara Maqasid Syariah dan Pembelajaran Abad Ke-21 ini yang merupakan tujuan utama kajian. Kemudian diakhiri dengan rumusan dan penutup yang merupakan bahagian terakhir kajian ini.

DEFINISI MAQASID SYARIAH

MAQASID SYARIAH MENURUT BAHASA

Maqasid Syariah terdiri daripada dua komponen iaitu maqasid dan syariah.

Maqasid ialah perkataan yang berasal daripada bahasa arab yang merupakan kata jamak kepada *qasada yaqsidu qasdan maqsadan* (قصد - يقصد - قصد - مقصدا). Ia membawa pelbagai makna antaranya ialah menuju, meminta sesuatu atau mendatangkannya, berjalan lurus, keadilan dan kebenaran, keras dan paksa (Fairuzabadi, 1971).

Manakala syariah berasal daripada syara' (شرع) yang bermaksud sumber air minuman yang tidak pernah putus dan sentiasa mengalir (Jurjani, 1405). Jalan menuju sumber air ini dapat dikatakan sebagai jalan ke arah sumber pokok kehidupan. Syariah juga dikenali sebagai *al-din* (الدين) atau *al-millah* (الملة) yang ditakrifkan sebagai cara hidup yang memandu manusia.

MAQASID SYARIAH MENURUT ISTILAH

Dari segi istilah, perkataan Maqasid Syariah dapat difahami melalui takrif-takrif yang telah dikemukakan oleh para ulama. Berdasarkan penelitian kepada karya-karya ulama Islam secara umum dan ulama maqasid secara khusus, para ulama memahami maqasid syariah sebagai rahsia agama, hikmah-hikmah yang terkandung serta tujuan dalam pensyariaan hukum.

Namun, para ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan takrif Maqasid Syariah:

Imam I'lal Al-Fasi (1993) berpendapat ia adalah matlamat hukum syara' dan rahsia Allah menetapkan sesuatu hukum daripada hukum-hukumNya.

Di sisi Imam Ibnu Asyur (2001), Maqasid Syariah ialah makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh syara' dalam keseluruhan atau sebahagian aspek penyariatannya.

Sementara itu, Doktor Wahbah Zuhaili (1996) mendefinisikannya dengan makna-makna dan tujuan-tujuan yang dipelihara oleh syara' dalam keseluruhan hukumnya atau sebahagian besar hukumnya, atau tujuan akhir daripada syariat dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh syara' dalam hukum-hukumnya.

Berdasarkan pandangan ulama yang telah disebutkan sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa Maqasid Syariah merujuk kepada tujuan-tujuan penyariatan hukum, serta rahsia-rahsia yang terkandung di dalam sesuatu hukum demi memelihara kemaslahatan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Di antara kepentingan memahami ilmu maqasid ialah untuk melahirkan fiqh yang hidup dan bukannya berdasarkan kefahaman literal semata-mata. Justeru, hal ini membuka ruang ijtihad yang lebih besar kepada para ulama untuk memberi solusi kepada permasalahan hari ini. Hal ini sejajar dengan keperluan fiqh semasa yang menuntut kefahaman kepada ilmu Maqasid Syariah dan tidak bergantung kepada ilmu *fiqh usuli* semata-mata.

Jika kita menelusuri sejarah Islam, kita akan dapati para sahabat mempraktikkan ilmu Maqasid Syariah dalam keputusan mahupun pemerintahan mereka. Kefahaman para sahabat kepada maqasid ini telah melahirkan ijtihad yang melangkaui zaman dan memberi keuntungan yang besar kepada umat Islam. Sebagai contoh, ijtihad Saidina Umar dalam membahagikan tanah yang baru dibuka. Setelah terjadinya peristiwa penaklukan Kota Iraq, para sahabat meminta dibahagikan tanah tersebut berdasarkan ketentuan yang menurut sumber Al-Quran, Firman Allah S.W.T:

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ...

“Dan ketahuilah, sesungguhnya segala yang kamu peroleh sebagai rampasan perang maka seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak yatim, orang miskin dan ibnu sabil...” (Q.S Al-Anfal: 41)

Ayat diatas menggunakan istilah *khumusahu* yang bererti seperlima. Seperlima itu sesuai dengan tujuan untuk memberi kesenangan dalam melakukan ibadah serta interaksi sosial bagi tentera perang setelah seluruh keringatnya digunakan untuk menyertai peperangan. Namun, Saidina Umar memilih pendekatan lain dalam pembahagian harta *ghanimah* selepas penaklukan kota tersebut. Saidina Umar menolak untuk memberikan seluruh tanah rampasan kepada para sahabat sebagai *ghanimah* (harta rampasan) dengan merujuk kepada ayat yang lain yang lebih umum ungkapannya. Sebagai ganti, Saidina Umar membawa jalan penyelesaian baru iaitu harta rampasan tersebut mestilah dikembalikan kepada masyarakat yang memilikinya iaitu tuan tanah tersebut, dan daripada sana diambil cukai tertentu yang disebut sebagai *kharaj* dan dimasukkan ke dalam hasil pendapatan negara demi kepentingan masyarakat umum. Keputusan ini dilihat sangat relevan pada zaman tersebut dan dipersetujui oleh para sahabat. Hal ini adalah kerana Saidina Umar memahami maqasid di sebalik ayat Al-Quran tersebut iaitu supaya harta tidak berlegar-legar dalam kalangan orang kaya daripada manusia sahaja. Saidina Umar juga memahami masalah umum yang menjaga kepentingan masyarakat perlu didahulukan berbanding masalah khusus atau bersifat individu.

DEFINISI PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK21)

Dunia telah memasuki abad ke-21, sejajar dengan peralihan zaman ini, manusia kini telah beralih dan memasuki era siber dan globalisasi. Kata saidina Ali r.a “*Didiklah anakmu sesuai dengan zamannya, kerana mereka hidup bukan di zamanmu*”.

Perubahan zaman dan cabaran semasa dunia dilihat menjadi faktor yang memangkin perubahan dan pembaharuan dalam sistem pendidikan kita, berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – dalam Anjakan 3: Melahirkan rakyat yang menghayati nilai menjelaskan

“Murid hari ini akan mewarisi dunia yang penuh dengan cabaran hebat, daripada kemusnahan alam sekitar hinggalah kepada konflik bersenjata. Untuk berjaya mengharungi segala cabaran ini murid bukan sahaja perlu memiliki kemahiran memimpin, tetapi juga nilai murni sejagat seperti integriti, belas kasihan, adil, dan altruism yang dapat membimbing mereka dalam membuat keputusan beretika. Pada masa yang sama, pembangunan warganegara yang global perlu diimbangi dengan pembangunan identiti nasional yang kukuh.” (Kementerian Pelajaran, 2012).

Kementerian telah mengenal pasti kemahiran abad ke-21 yang sesuai dengan konteks tempatan dan dapat menyediakan warga Malaysia untuk bersaing pada peringkat antarabangsa. Untuk itu, kurikulum kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, patriotik, serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi, dan bekerja secara berpasukan – Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pelajaran, 2012).

Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) abad 21 merujuk kepada beberapa kompetensi teras, iaitu kolaboratif, celik digital, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Pembelajaran abad ke-21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan pelajar menguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesis (penyatuan/penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Mereka diharap dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik.

Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) merujuk kepada proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika (Kementerian Pelajaran, 2012). Elemen-elemen yang diterapkan diatas ini disebut sebagai 5 standard asas dalam PAK21.

5 Standard Asas PAK21:

1. Komunikasi: Berlaku interaksi antara guru-murid, murid-murid dan murid-bahan secara lisan dan bukan lisan bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan lain.
2. Kolaboratif: Berlaku kerjasama dan muafakat antara guru-murid dan murid-murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid.
3. Pemikiran Kritis: Berlaku penerokaan pemikiran untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.
4. Kreativiti: Berlaku proses penjanaaan idea yang menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baharu, unik, berguna dan berkualiti.
5. Nilai Murni & Etika: Penerapan dan pemupukan nilai murni dan etika ke arah pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.

Kerangka Konsep PAK21

Setelah memahami 5 standard asas PAK21 yang menjadi teras kepada pelaksanaan PAK21, penulis mendatangkan pula aspek lain iaitu ciri-ciri kemenjadian murid yang menjadi kayu ukur keberhasilan PAK21 seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Antara ciri-ciri kemenjadian murid ialah:

1. Pengetahuan – Melahirkan murid yang bermaklumat, bersifat ingin tahu serta berprinsip melalui kurikulum (seperti KSSR, KSSM, KBD), elemen merentas kurikulum (EMK) serta pengetahuan pengalaman.
2. Kompetensi – Melahirkan murid yang mampu berfikir di luar kotak, mempunyai kemahiran komunikasi dan berkolaboratif, serta kemahiran maklumat, media dan teknologi melalui Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
3. Perwatakan – iaitu bagaimana murid bergaul dengan dunia luar. Melalui amalan nilai murni yang membentuk ciri-ciri kepemimpinan, kesedaran sendiri yang tinggi serta mampu berdaya saing di peringkat global.

Kesimpulannya, kita melihat kerajaan komited melaksanakan perubahan dalam sektor pendidikan melalui pembaharuan yang telah diperkenalkan. Malaysia sebagai sebuah negara membangun berhasrat menjadikan muridnya mampu berdaya saing di peringkat global seiring dengan negara-negara maju yang lain.

APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Setelah memahami definisi Maqasid Syariah dan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) secara umum, penulis akan beralih kepada perbincangan aplikasi Maqasid Syariah dalam PAK21 agar masyarakat dan warga pendidik tahu, jelas, serta faham sekaligus memudahkan tugas mereka untuk mendidik generasi baharu ini.

Sebelum itu, perlu difahami bahawa Maqasid Syariah ini juga terdiri daripada beberapa prinsip asas atau disebut sebagai *kulliyat al-khams* (كليات الخمس) yang menjadi perbincangan utama dalam Maqasid Syariah itu sendiri. Imam al-Ghazali (1993) menyatakan bahawa matlamat syariah ke atas manusia adalah berdasarkan lima perkara iaitu bagi memelihara agama, diri (nyawa), akal, keturunan dan harta. Maka setiap perkara yang menjamin lima unsur ini terpelihara ianya adalah memberi masalah kepada manusia dan menolak kemudharatan.

MENJAGA AGAMA

Menjaga Agama (*Hifz ad-Din*) bermakna mengelakkan apa-apa yang mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asas agama itu sendiri. Hal ini termasuk agenda mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan (JAKIM, 2016). Dalam konteks Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21), konsep menjaga agama dapat dilihat dalam penerapan dan penghayatan etika dan nilai murni dalam diri para pelajar. Pembangunan moral dan nilai-nilai yang mulia menjadi benteng terpenting untuk melahirkan modal insan yang mempraktikkan agama dalam kehidupan. Penghayatan nilai-nilai murni yang disebutkan itu juga membantu mencapai maqasid *tahsiniyyat* sebagai pelengkap kepada aspek menjaga agama.

Menjaga agama merupakan elemen terpenting bagi menjaga perkara-perkara yang lain. Melalui elemen teras PAK21, 5 standard teras seperti yang telah dijelaskan diatas ialah:

1. Komunikasi
2. Kolaboratif
3. Kreativiti
4. Pemikiran Kritis
5. Nilai murni & etika

Jelas bahawa elemen-elemen ini sangat penting bagi memelihara agama itu sendiri. Elemen kerjasama, kolaboratif, kreativiti serta pemikiran kritis adalah bertepatan dengan prinsip maqasid menjaga agama melalui pembinaan pelajar dan warga pendidik yang memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai serta etika yang dimaksudkan antaranya seperti hormat-menghormati sesama agama, bertolak-ansur sesama rakan, ke arah pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.

Sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, tentunya ia amat penting bagi menjamin semangat perpaduan kaum yang kukuh. Dalam hal ini, Islam sangat mengambil berat akan nilai-nilai serta etika tersebut, antaranya dari Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًّا بِغَيْرِ عِلْمٍ

“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan” (Q.S Al-An’am: 108)

Allah s.w.t. melarang sebarang cercaan kepada sembah agama lain sebagai larangan yang bersifat *ihityat* (berjaga-jaga) agar mereka tidak membalasnya dengan mencerca Allah s.w.t. pula. Sabda Rasulullah saw:

من قتل معاهدا لم يرح رائحة الجنة وإن ريحها توجد من مسيرة أربعين عاما

“Barangsiapa yang membunuh kafir mu’ahad dia tidak akan mencium bau wangi syurga, padahal wangi syurga itu tercium dari jarak 40 tahun perjalanan” (HR Bukhari)

Seterusnya, dari perspektif sirah Nabawi pula, Rasulullah s.a.w. amat memelihara dan menghormati kesucian agama lain melalui peraturan dalam berperang yang sering diwasiatkan oleh baginda s.a.w. Baginda menentang keras sebarang bentuk penindasan terhadap mana-mana individu, alam sekitar mahupun rumah ibadat itu sendiri. Wasiat ini telah disampaikan oleh baginda s.a.w. kepada utusan baginda sewaktu mengutus mereka untuk memerangi dan berdakwah kepada kerajaan Rom dan Parsi. Jelaslah disini dapat kita simpulkan bahawa, nilai moral dan etika merupakan elemen teras dalam apa-apa pensyariatan Islam termasuk peperangan.

Islam juga amat menitikberatkan aspek hubungan sosial dan etika seperti hormat-menghormati dalam bermasyarakat, selari dengan elemen teras yang diperkenalkan dalam PAK21 ini.

Sebagai tambahan, jika dilihat melalui ciri perwatakan dalam aspek kemenjadian murid PAK21, iaitu bagaimana murid bergaul dengan dunia luar melalui penerapan amalan nilai murni yang membentuk ciri-ciri kepemimpinan, kesedaran sendiri yang tinggi juga terkandung di dalamnya maqasid menjaga agama secara langsung.

Dalam hal ini, para guru dan warga pendidik boleh menerapkan elemen-elemen ini kepada murid dengan menitikberatkan hasil dan kesan baik dari amalan nilai murni ini dalam skop menjaga agama. Perkara ini juga boleh dinilai sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK) sepanjang proses PdP (Pengajaran dan Pembelajaran).

MENJAGA NYAWA

Memelihara nyawa (*Hifz an-Nafs*) ialah memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, harta dan maruah, pemerintahan yang baik, perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan (JAKIM, 2016). Islam mewajibkan individu menjaga keselamatan diri dan pada masa yang sama melarang keras perbuatan yang boleh mengancam keselamatan nyawa sendiri atau orang lain.

Islam secara tegas mengharamkan sebarang bentuk penganiayaan terhadap nyawa melalui pensyariatan hukum Qisas, pengharaman membunuh, *sad zarai*’ (menutup jalan) yang membawa kepada pembunuhan, keharusan mengambil yang haram demi menyelamatkan nyawa, serta pelbagai dalil dan *nas* syarak yang menunjukkan kemuliaan nyawa itu sendiri. Antaranya ialah, firman Allah s.w.t:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

“Dan janganlah kamu membunuh orang yang diharamkan Allah (membunuhnya) kecuali dengan suatu (alasan) yang benar” (Q.S Al-Isra’: 33)

“إن دماءكم وأموالكم وأعراضكم حرام عليكم كحرمة يومكم هذا في بلدكم هذا وفي شهركم هذا...”

“Sesungguhnya darah (nyawa) kamu, dan harta kamu, dan maruah kamu haram keatas kamu (mengambilnya tanpa hak) sebagaimana haramnya hari ini (hari kurban), negeri Mekah, dan bulan Zulhijjah...” (HR. Bukhari)

Dalam konteks hubungan kemasyarakatan di Malaysia, sistem pendidikan kita sangat menitik beratkan kepelbagaian budaya, kaum dan agama bagi meraih perpaduan. Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا...

“Wahai manusia! Sungguh kami telah menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, kemudian kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali...” (Q.S al-Hujurat: 13)

Islam sangat menggalakkan penyatuan umat manusia di atas nama kemanusiaan, namun begitu tidak dinafikan terdapat pelbagai cabaran bagi merealisasikan hasrat tersebut. Kata pepatah melayu ‘Melentur buluh biarlah dari rebungnya’, penulis percaya bahawa penerapan nilai murni dan etika bagi mencapai perpaduan dan kesaksamaan sosial ini perlu dimulakan sejak dari kecil lagi iaitu melalui pendidikan.

Aplikasi maqasid menjaga nyawa dalam PAK21 dapat dilihat seperti berikut:

1. Pendidikan yang berpusatkan murid (*student centre*), mampu melahirkan murid yang berpendirian, berprinsip, sendiri serta bertindak mengikut nilai murni dan etika yang telah diajarkan oleh guru. Justeru, ia tidak lagi melahirkan pelajar yang hanya berdisiplin di sekolah tetapi tidak di luar sekolah.
2. Kemahiran belajar abad ke-21 yang diperlukan murid antaranya ialah kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kebolehan kerja dalam pasukan, serta etika dan kerohanian. Hal ini diterapkan melalui aktiviti-aktiviti PdP yang melatih pelajar berfikir dan menyelesaikan masalah, tanpa terikat dengan ilmu yang ada di dalam buku teks sahaja.
3. Antara ciri PAK21 ialah integrasi dengan masyarakat dan hormat-menghormati. Pelajar diajar agar bergaul dan menyumbang kepada masyarakat disamping tidak mengabaikan aspek hormat-menghormati. Masing-masing perlulah berlapang dada dan menghormati pandangan pihak lain serta berbincang dengan harmoni.

Perkara diatas tentulah amat bertepatan dengan maqasid menjaga nyawa itu sendiri yang meliputi kesaksamaan sosial, melakukan usaha untuk menaikkan taraf hidup, memelihara maruah sesama mereka yang berbilang kaum sekaligus membentuk masyarakat yang hidup aman dan harmoni.

MENJAGA AKAL

Akal adalah satu anugerah yang tidak ternilai dalam diri seorang manusia. Peranan akal telah mengangkat manusia sebagai khalifah untuk memakmurkan muka bumi tuhan. Di dalam syarat islam, manusia yang kehilangan akal boleh memberi kesan yang besar sehingga gugur taklif syarak iaitu tanggungjawab dalam tindakan dan amalan ke atas dirinya. Memelihara akal (*Hifz Al-Aql*) dalam maqasid syariah bererti menyuburkan akal dengan menimba ilmu pengetahuan dan melindunginya dari apa-apa yang merosakkan. Semua unsur yang boleh merosakkan akal seperti mengambil alkohol, dadah dan menonton filem lucah mahupun video pornografi wajib dibanteras dan dihalang.

Selain itu, dalam era dunia moden masa kini, penjagaan akal dapat dioptimumkan dengan menyediakan pendidikan yang holistik yang merangkumi aspek mental, fizikal dan spiritual. Hal ini sejajar dengan elemen teras dan visi PAK21 yang bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang bukan hanya berjaya di dalam pelajaran, bahkan cemerlang dalam segenap aspek kehidupan yang memungkinkan individu tersebut mampu berdikari dalam kehidupan.

Antara aplikasi maqasid menjaga akal dalam PAK21 ialah:

1. Pemikiran kritis.

Para pelajar perlu meneroka idea baru dan menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Konsep ini seterusnya menajarahkan pelajar yang mempunyai maklumat yang luas dalam segala bidang serta bijak dalam membuat keputusan. Konsep berfikir secara kritis ini turut ditekankan di dalam Al-Quran yang menuntut manusia untuk memahami sesuatu dalam konteks yang luas dan tersirat. Sebagai contoh, Allah swt meminta manusia menggunakan akal untuk melihat kekuasaan Allah. Menurut akal yang waras, sudah tentu mustahil segala yang ada di dunia ini tercipta begitu sahaja tanpa ada yang mengatur dan mentadbirnya. Hanya manusia yang merenung, mengkaji dan berfikir tentang penciptaan dirinya dan alam semesta sahaja yang dapat merasai keagungan dan kekuasaan Allah swt. Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

أَفَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَزَيَّنَّاهَا وَمَا لَهَا مِنْ فُرُوجٍ (6) وَالْأَرْضِ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ (7) تَبْصِرَةً وَذِكْرًا لِكُلِّ عَبْدٍ مُنِيبٍ (8)

“Maka apakah mereka tidak melihat akan langit yang ada di atas mereka, bagaimana Kami meninggikannya dan menghiasinya dan langit itu tidak mempunyai retak-retak sedikitpun? Dan Kami hamparkan bumi itu dan Kami letakkan padanya gunung-gunung yang kokoh dan Kami tumbuhkan padanya segala macam tanaman yang indah dipandang mata. Untuk menjadi pelajaran dan peringatan bagi tiap-tiap hamba yang kembali (mengingati Allah)”. (Surah Qaaf: 6-8)

2. Kreativiti.

Penerapan elemen kreativiti dapat melahirkan para pelajar yang boleh menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baru serta berkualiti. Sikap kreativiti amat dituntut dalam kalangan pelajar khususnya dan umat Islam umumnya. Ia dapat merangsang daya inovasi serta meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Di dalam dunia hari ini, daya inovasi amat dituntut untuk kebaikan manusia sejagat. Dengan adanya sikap kreatif dan ingin mencuba, maka para saintis dapat mencipta pelbagai alatan teknologi yang canggih di samping melahirkan banyak penemuan baru hasil daripada kajian dan ujikaji yang berperingkat. Tidak kurang juga, para cendekiawan Islam kontemporari telah memperkenalkan ijtihad-ijtihad baru serta fatwa *muasarah* yang memberi jalan keluar kepada banyak permasalahan fiqh hari ini. Hal ini secara langsung membuktikan bahawa daya inovasi ini mempunyai kaitan langsung dengan maqasid menjaga akal. Di samping itu, ia dapat mencapai maqasid *hajiyyat*, iaitu sesuatu maqasid yang diperlukan untuk mendapat kelapangan dalam kehidupan dan menghilangkan kesempatan yang pada lazimnya boleh membawa kesukaran dan

kesusahan tanpanya. Meskipun ia tidak sampai kepada peringkat *darurah*, tetapi tanpanya dapat menjejaskan kehidupan manusia secara adatnya sebagaimana yang dinukilkan oleh Imam as-Syatibi.

3. Penggunaan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Selain itu, antara transformasi dalam PAK21 ialah penggunaan teknologi dan ICT seperti komputer, LCD dan video secara efektif dan sistematik. Di bawah pengaruh dunia serta segala kemajuannya termasuk perkembangan pesat sains dan teknologi (Hairudin Harun, 2004), hampir semua perkara dalam kehidupan moden sekarang harus berevolusi seiring dengan perkembangannya. Dalam hal ini, sistem pengajaran dan pembelajaran tidak terkecuali, malah revolusi sistem ini perlu dilaksanakan demi meningkatkan keberkesanan dan kualiti pembelajaran dalam kalangan murid. Penggunaan ICT dalam pendidikan dapat memberikan kelainan dan satu daya tarik contohnya menggunakan alat seperti *powerpoint*, *flash*, video dan visual. Selain itu, pendekatan pembelajaran menggunakan ICT ini dapat menyokong pendekatan *constructivism*, iaitu satu teori pembelajaran yang menekankan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Sebagai contoh, dalam pengajaran subjek sains seperti kimia dan biologi yang memerlukan eksperimen, guru hanya perlu menyediakan persediaan grafik contohnya tayangan video untuk membantu memahami konsep eksperimen ini dengan lebih jelas. Di samping itu, dunia tanpa hujung jari hari ini menyaksikan maklumat dapat diakses tanpa sebarang halangan. Justeru, pengenalan kepada penggunaan teknologi kepada pelajar sejak di bangku sekolah dapat melatih mereka untuk bijak memilih saluran yang baik dan bermanfaat berpandukan akal yang sihat dan waras.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada sahabat baginda yang mengaplikasi pendebungaan kacuk sehingga menghasilkan hasil yang lebih banyak, sabda baginda s.a.w.:

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأُمُورِ دُنْيَاكُمْ

“Kalian lebih tahu tentang urusan dunia kalian” (HR Muslim)

Baginda s.a.w. memberikan kebebasan kepada umatnya dalam urusan keduniaan selama mana ia tidak bertentangan dengan syarak. Justeru, menjadi kaedah umum di dalam syariat Islam iaitu apa-apa yang boleh membantu kepada tujuan (*Maqasid*) disebut sebagai (*Wasail*) iaitu jalan-jalan, dan ianya diharuskan selagi mana tidak bertentangan dengan syarak. Maka, penggunaan teknologi ICT seperti komputer dan lain-lain ini dapat memudahkan dan membantu urusan pembelajaran dan pengajaran merupakan suatu kebaikan yang dibenarkan serta digalakkan oleh syarak.

MENJAGA NASAB

Konsep memelihara keturunan (*Hifz An-Nasab*) melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ia adalah penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkesan. Islam amat mementingkan pemeliharaan nasab sehingga wujudnya berbagai pensyariaan dan hukum-hakam yang melibatkan pemeliharaan nasab. Antaranya ialah pengharaman zina dan apa-apa yang membawa kepadanya, menggalakkan perkahwinan yang sah, pengharaman pengguguran, pengharaman perkahwinan sejenis, kewajipan menutup aurat serta pengharusan poligami. Berikut merupakan dalil-dalil dan nas yang menunjukkan kepada maqasid menjaga nasab:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّوْجَاتِ اللَّاتِيْنَ كَانَتْ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

“Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya ia adalah perbuatan keji dan seburuk-buruk jalan” (Q.S Al-Isra’: 32)

Menurut Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Allah s.w.t. melarang dari menghampiri apa-apa jua jalan yang membawa kepada zina, apatah lagi perbuatan zina itu sendiri. Hal ini adalah kerana perbuatan zina menimbulkan pelbagai kerosakan dalam masyarakat termasuk merosakkan nasab keturunan, menimbulkan pergaduhan, mengembangkan penyakit berbahaya dan sebagainya. Sabda Rasulullah s.a.w.:

تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ الْوُدُودَ فَإِنِّي مَكَاثِرٌ بِكُمْ الْاُمَمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Kahwinilah oleh kamu akan wanita yang subur dan penyayang, sebab dengan jumlahmu yang banyak aku akan berbangga di hadapan para Nabi di hari kiamat” (HR Ahmad)

Aplikasi Maqasid Syariah dalam aspek memelihara nasab ialah bersungguh-sungguh melaksanakan pelbagai usaha untuk membangun, memajukan serta membebaskan diri daripada kemiskinan dan kejahilan. Melalui anjakan transformasi yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, beberapa perubahan positif yang ingin dicapai seiring dengan maqasid menjaga keturunan seperti yang telah dinyatakan ialah:

1. Kerajaan melalui program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) telah memperuntukkan makanan percuma kepada pelajar-pelajar yang miskin, sekaligus dapat membantu para pelajar fokus kepada pembelajaran mereka.
2. Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa, tanpa mengira kawasan dalam bandar dan luar bandar membantu para pelajar secara sama rata.

3. Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai dan etika melalui Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Justeru, hal ini bermatlamatkan untuk melahirkan manusia yang bukan hanya berilmu tetapi menghayati konsep ilmu itu sendiri. Secara umumnya, kesemua perkara yang membantu membantu murid fokus di dalam pembelajaran, hak kesamarataan serta membebaskan diri daripada kemiskinan dan kejahilan dikatakan membantu mencapai maqasid menjaga nasab. Hal ini adalah kerana kemiskinan dan tekanan hidup merupakan faktor terbesar yang menyebabkan seseorang terlibat dengan jenayah dan gejala sosial. Ini termasuklah jenayah dadah, perzinaan, rogol dan sebagainya. Langkah yang paling ampuh untuk membendung segala jenayah ini, bukannya hukuman atau penjara semata-mata, sebaliknya pendidikanlah faktor yang paling kukuh untuk membentuk modal insan yang cemerlang. Natijahnya, konsep PAK21 ini dapat melahirkan warga yang berilmu, bermanfaat kepada orang lain serta ingin meningkatkan taraf hidup dengan ilmu yang dimiliki. Hal ini sekaligus dapat memberi impak yang besar kepada ketamadunan bangsa di samping menurunkan kadar masalah sosial dan kemiskinan di negara kita. Justeru, ini sangatlah bertepatan dengan maqasid menjaga keturunan itu sendiri.

MENJAGA HARTA

Islam menggariskan peraturan dalam hak kehartaan. Harta ialah sesuatu yang manusia berhajat kepadanya secara fitrah. Harta merupakan suatu keperluan bagi manusia untuk menjalankan kehidupannya di dunia ini. Pemeliharaan harta (*Hifz Al-Mal*) menurut syarak terbahagi kepada 2 aspek, iaitu:

Dari aspek wujud (ada). Maknanya ialah melakukan sesuatu yang boleh mewujudkan, mengekalkan, atau mengembangkannya. Seperti berusaha mencari rezeki, menginfakkan harta ke jalan Allah. Firman Allah s.w.t.:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ

“Apabila solat telah dilaksanakan maka bertebaranlah kamu di bumi, carilah karunia Allah” (Q.S Al-Jumu’ah: 10)

Firman Allah s.w.t.:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ

“Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi, maka jelajahilah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya” (Q.S Al-Mulk: 15)

Berpandukan nas Al-Quran ini, kita dapat lihat bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha dan mencari rezeki di muka bumi Allah s.w.t. dengan tekun dan bersungguh-sungguh dengan mengamalkan nilai-nilai baik seperti jujur, amanah, bantu-membantu sesama manusia dan sebagainya. Pengamalan Islam secara total mampu membentuk masyarakat yang aman dan harmoni.

Dari aspek a’dam (tiada). Maknanya ialah memelihara sesuatu daripada kehilangan atau kerosakan setelah wujudnya harta seperti pengharaman judi, riba’, mencuri dan memakan harta orang lain secara batil. Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu.” (Q.S An-Nisa’: 29)

Maka secara umumnya, maqasid syariah menjaga harta dapat difahami dengan penggabungan dua aspek tersebut. Antara aplikasi maqasid menjaga harta dalam PAK21 ialah:

1. Melalui kurikulum yang berasaskan projek serta pendidikan yang berpusatkan murid sepertimana yang dinyatakan oleh The American Association of School Administrators (AASA) “Sekolah harus menyediakan peluang pendidikan dengan kurikulum berasaskan projek yang autentik dengan keadaan kehidupan sebenar, melibatkan murid menangani dan menyelesaikan masalah kehidupan sebenar serta isu yang penting dalam kehidupan sejagat.”

Kaedah ini dipercayai mampu melatih murid agar lebih kreatif, inovatif dan berdaya saing bagi bersaing di peringkat global. Pada masa yang sama, mengamalkan nilai-nilai murni yang diterapkan sepanjang proses PdP melalui Elemen Merentas Kurikulum (EMK) oleh para guru. Hal ini sangat bertepatan dengan maqasid menjaga harta yang menggalakkan umat Islam berusaha dan mencari rezeki secara halal tanpa mengambil hak orang lain.

2. Melalui standard kemahiran yang diperlukan oleh murid abad ke-21 seperti:

- Kemahiran hidup dan kerjaya
- Kemahiran belajar dan inovasi
- Kemahiran teknologi maklumat, komunikasi dan media

Kesemua kemahiran ini adalah perlu bagi mempersiapkan murid menghadapi masa depannya dengan berjaya dan cemerlang. Islam amat menggalakkan umatnya bersedia menghadapi cabaran pada masa hadapan, sama ada dalam bentuk kekuatan fizikal, kemahiran, mahupun kebendaan. Firman Allah s.w.t.:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

“Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang kamu miliki dan dari pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah dan musuhmu” (Q.S Al-Anfal: 60)

Jelaslah bahawa teknik pengajaran melalui PAK21 ini membantu mempersiapkan murid abad ini dengan segala kemahiran dan persediaan yang diperlukan oleh mereka. Pada masa yang sama, penghayatan nilai murni dan etika yang terdapat dalam unsur teras PAK21 ini bertepatan dengan ajaran Islam itu sendiri. Kesan buruk apabila mengabaikan tuntutan Maqasid Syariah dalam menjaga harta ialah akan melahirkan individu yang hanya bijak dan pandai menguruskan kehidupannya sahaja tanpa menghiraukan nasib masyarakat sekeliling serta rakan sekerjanya yang lain. Pengabaian nilai dan etika dalam kehidupan bakal membawa kepada kerosakan moral dan akhlak seperti yang dapat kita lihat pada hari ini. Firman Allah s.w.t.:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ

“Telah tampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia” (Q.S Rum: 41)

KESIMPULAN

Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan suatu gagasan yang wajar disambut baik oleh segenap lapisan masyarakat. Seiring dengan era globalisasi masa kini, sistem pendidikan untuk generasi akan datang perlu disusun dan dibentuk sejajar dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi agar mereka mampu hidup dan bersaing pada zaman mereka. Kemudahan-kemudahan yang ada hendaklah dimanfaatkan dengan sebaiknya bagi membantu proses pendidikan anak-anak.

Agama Islam itu sendiri yang bersifat *syumul* iaitu melengkapi seluruh aspek kehidupan manusia, tentunya tidak mengabaikan aspek pendidikan, nilai-nilai murni serta etika dalam pensyariatannya. Jelaslah bahawa, Maqasid Syariah berdasarkan 5 prinsip asas (*kulliyat al-khams*) yang telah dinyatakan iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta mempunyai kaitan secara langsung dengan PAK21 ini terutamanya maqasid *Hizl-Aql* (Menjaga Akal). Hal ini adalah kerana konsep belajar dan menimba ilmu itu sendiri merupakan proses untuk menyuburkan akal dan mengisinya dengan perkara yang bermanfaat.

Dalam konteks negara Malaysia, semua pihak perlu bekerjasama dalam menambah baik sistem pendidikan sedia ada menurut konteks Maqasid Syariah agar ianya dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Justeru, para guru perlu memberi pendedahan dan kefahaman kepada murid dalam bilik darjah mengenai PAK21 menurut perspektif Maqasid Syariah. Ia bakal melahirkan pelajar yang bukan sahaja menguasai pelajaran dan kemahiran dalam bilik darjah tetapi juga memahami rasionalisasi sebarang tindakan yang dilakukan oleh mereka. Bagi murid pula, kefahaman terhadap Maqasid Syariah ini boleh membantu mereka membuat penilaian yang tepat dan rasional selari dengan tuntutan agama.

Selain itu, masyarakat juga perlu memainkan peranan menjadikan kefahaman Islam sebagai prinsip utama dalam pendidikan anak-anak. Dengan mengaitkan setiap tindakan dan perbuatan mereka dengan prinsip agama, bakal membentuk anak-anak yang takut kepada Tuhan, berakhlak mulia dan bermotivasi tinggi.

Akhir sekali, pihak kementerian sewajarnya meneruskan agenda yang baik ini dengan menambahbaik penghayatan nilai murni dan etika dalam kalangan para guru dan murid yang merupakan unsur teras dalam Maqasid Syariah itu sendiri. Hal ini boleh diaplikasikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menekankan Elemen Merentas Kurikulum kepada murid. Selain itu, para guru perlu berperanan sebaiknya untuk mengisi diri dan minda para pelajar dengan objektif syariah. Perkara ini dapat diterapkan secara teori iaitu penerangan berbentuk konsep mahupun praktikal dengan melakukan aktiviti yang bersesuaian dan mempunyai matlamat yang menjurus kepada pembentukan nilai. Seterusnya, pemantauan oleh kementerian terhadap para guru juga perlu dipertingkatkan dengan menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) tertentu bagi menilai prestasi guru dari semasa ke semasa. Justeru, diharapkan tulisan ini dapat membantu para guru serta warga pendidik dalam mempraktikkan konsep Maqasid Syariah dalam kerangka PAK21 yang sedia ada.

RUJUKAN

- ‘Ilal Al-Fasi (1993), *al-Maqasid as-Shariah wa Makarimiha*, Beirut, Dar al-Gharb Al-Islami, Halaman 7.
- Abd Rahman, Rosbi & Ahmad, Sanep. (2010). *Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syariah*. Proceedings of Seventh International Conference, The Tawhidi Epistemology, Zakat and Waqf Economy, Bangi. 447-460. www.ukm.my/hadhari/wp-content/uploads/2014/09/proceedings-seminar-waqf-tawhidi.pdf
- Abdullah Basmeih (2000), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur: Cetakan keenam belas.
- Alias Azhar, Muhammad Azam Hussain, Mohd Zakhiri Md. Nor, Mohamad Khairi Othman. (2017). *Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqasid Al-Shariah: Satu Tinjauan*. Ulum Islamiyyah, The Malaysian Journal Of Islamic Sciences. (Vol 20, April 2017)
- Ibnu Ashur, Muhammad al-Tahir (2001). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*, Amman: Dar al-Nafa’is.
- Auda, Jasser. Penterjemah: Marwan Bukhari. (2014). *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Islamika.
- Al-Fairuz Al-Abidi (1971), *al-Qamus al-Muhit*, Beirut, Muassasah al-Risalah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016), *Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah Dalam Tadbir Urus*. <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), *Dasar Pendidikan Kebangsaan*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Ibnu Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, Beirut, Darul Fikr, Jilid 8, Halaman 174-175.
- Nasaruddin Rahmat (2016), *Majalah Pendidik*, Pencetus Idea Masyarakat Pendidik Kuala Lumpur: Wardah Communication Sdn Bhd.
- Roibin (2008), *Sosiologi Hukum Islam*, Malang, UIN, Malang Press, Halaman 18A.
- Al-Syatibi (1996), *Al-Muafaqat Fi Usul Al-Syariah*, Beirut, Dar Al-Ma’rifah, Jilid 2.
- Wahbah Zuhaili (1996), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik, Dar al-Fikr, Jilid 2 Halaman 1017.
- Ya’qub Abu Yusuf (1882), *Al-Kharaj*, Kaherah, Matba’ Al-Amiriyyah, Halaman 14.
- Al-Zabidi (1971), *Tajul Arus min Jawahir al-Qamus*, Beirut, Dar Ihya al-Turath al-Arab, Halaman 35.